KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			



NGAH memeriksa perangkap yang dipasang Perhilitan untuk menangkap harimau kumbang selepas membaham tujuh kambingnya sejak 2 Disember lalu ketika ditemui di Kampung Bukit Kor. - Gambar Ghazali Kori

Bimbang kena baham

Penduduk berkurung dalam rumah elak jadi mangsa harimau kumbang

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my

Marang

Penduduk Kampung Bukit Kor di sini, mengambil pendekatan berkurung dalam rumah kerana bimbang menjadi mangsa serangan harimau kumbang yang menceroboh kampung berkenaan sejak awal bulan ini.

Penduduk, Noor Suryani Abdul Ghani, 39, berkata, kehadiran binatang buas itu menggemparkan penduduk kampung yang pertama kali berdepan dengan situasi itu.

Katanya, berikutan itu dia mengambil pendekatan untuk berkurung kerana bimbang menjadi mangsa binatang buas itu.

"Sebaik senja, sekitar jam 7 malam, saya akan mengarahkan semua anak masuk ke dalam rumah dan tidak membenarkan mereka keluar malam walaupun di pekarangan kediaman.

"Anak-anak sudah biasa main di pekarangan pada waktu petang tetapi apabila berlaku kes serangan harimau kumbang ini, saya jadi takut kerana kedudukan rumah kami yang berdekatan hutan.

"Selagi harimau itu tidak masuk perangkap, selagi itulah kami berasa tidak selamat untuk berada di luar rumah terutama pada waktu malam," katanya ketika ditemui Harian Metro selepas meninjau perangkap yang dipasang Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu di kawasan kandang kambing yang menjadi mangsa binatang buas itu di sini, semalam.

> "Sekitar jam 7 malam, saya akan mengarahkan semua anak masuk rumah"
> Noor Suryani

Awal bulan ini, penternak kambing, Ngah Abdul Ghani, 53, kerugian RM14,000 apabila tujuh daripada 14 haiwan ternakannya menjadi mangsa serangan binatang berkenaan.

Semua haiwan daripada baka Jamnapari, Kalahari dan Boer itu mati dalam tiga serangan berasingan bermula 2 hingga 10 Disember lalu.

Menurut Ngah, dia baru berjinak dengan penternakan haiwan ini sejak Februari lalu kerana mahu mengisi masa lapang yang terluang berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerajaan bagi mengelak penularan wabak Covid-19.

Katanya, dia tidak menyangka percubaan pertama menceburi bidang ternakan itu diuji dengan kejadian berkenaan.

Menurutnya, sebelum ini, kampung berkenaan tidak pernah dikejutkan dengan kehadiran binatang buas itu, menyebabkan dia bagaikan tidak percaya, haiwan terbabit di baham harimau.

Katanya, jerat yang dipasang Perhilitan belum membuahkan hasil menyebabkan bukan hanya dia malah, penduduk kampung bimbang dengan keadaan itu.